

Penuntut program Bahasa Melayu UPM bertemu semula

Bekas pelajar kursus Pengajian Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pertama Universiti Pertanian Malaysia (kini Universiti Putra Malaysia) (UPM) sesi pengajian tahun 1986-1989 bertemu semula pada pertemuan di rumah rakan mereka di Klebang,

Melaka, baru-baru ini.

Seorang bekas penuntut, Yahaya Suip, berkata pertemuan selepas berpisah 26 tahun itu mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan mereka, selain mengenangkan semula kenangan manis ketika di kampus.

